

MAKLUMAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA B

TAJUK PROJEK	:	TAWARAN PENYEDIAAN KERJA-KERJA LATIHAN ATAS TALIAN UNTUK PROGRAM ENHANCING CAPABILITIES OF MACHINE AND EQUIPMENT MANUFACTURERS TOWARDS SMART MACHINERY
TARIKH PELAKSANAAN	:	16 OGOS HINGGA 27 OGOS 2021
KOS	:	RM 47,998.80

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

Saya ingin membuat makluman kepada Jawatankuasa Sebut Harga B untuk dua (2) makluman berikut:

- Penjadualan semula tarikh pelaksanaan kepada 13 hingga 24 September 2021
- Mengasingkan bayaran berdasarkan khidmat latihan dan kit latihan

(A) PENJADUALAN SEMULA TARIKH PELAKSANAAN KEPADA 13 SEPTEMBER HINGGA 24 SEPTEMBER 2021

1. Nexus Produktiviti Jentera dan Peralatan (MEPN) sedang melaksanakan program *Enhancing Capabilities of Machine and Equipment Manufacturers towards Smart Machinery*. Program ini merangkumi webinar, forum, pembangunan modul, pembangunan *guideline*, latihan atas talian dan *proof-of-concept* (PoC). Objektif utama program ini diadakan adalah untuk membantu perniagaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan sokongan bagi mengubah mesin dan peralatan mereka ke arah mesin pintar. Syarikat yang terlibat dalam latihan atas talian ini akan diberi bimbingan menggunakan teknologi *Industrial Internet of Thing* (IIoT) bagi mengukur tahap prestasi mesin dan peralatan, teknologi ini dapat membantu syarikat untuk membuat keputusan yang lebih tepat bagi meningkatkan tahap kecekapan dan produktiviti.
2. MEPN telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Sebut Harga B MPC bilangan 12/2021 bagi perkhidmatan penyediaan kerja-kerja latihan atas talian bagi program ini pada 30 Julai 2021. Tempoh lantikan dibuat bermula 16 sehingga 27 Ogos 2021. Walaubagaimanapun, latihan atas talian ini tidak dapat dijalankan pada tempoh ditetapkan disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i. Tempoh kelulusan dengan tarikh pelaksanaan tidak mencukupi untuk aktiviti promosi. Dalam tempoh dua (2) minggu antara tarikh kelulusan dan tarikh pelaksanaan, pihak pembekal hanya mendapat pengesahan penyertaan tidak sampai 10 syarikat berbanding 20 syarikat yang dipersetujui. Kesukaran untuk mendapatkan penyertaan syarikat adalah disebabkan syarat khusus yang ditetapkan oleh MEPN iaitu hanya syarikat mesin dan peralatan (M&E) dalam industri pemprosesan makanan sahaja dibenarkan untuk menyertai program ini.
 - ii. Perolehan kit latihan sebanyak 20 unit oleh pihak pembekal yang memerlukan pesanan tempatan (PO) daripada MPC. Untuk makluman, pihak MEPN masih tidak mengisi eRO untuk pengeluaran PO. Ini adalah disebabkan pihak pembekal masih tidak dapat memberi jaminan penyertaan penuh sebanyak 20 syarikat untuk program ini. Pada masa yang sama, pihak pembekal memohon budi bicara pihak MPC untuk menjadual semula tarikh pelaksanaan bagi membolehkan pihak syarikat mendapatkan penyertaan 20 syarikat.
3. Sehubungan itu, pihak MEPN ingin membuat permohonan penjadualan semula tarikh pelaksanaan bagi perkhidmatan penyediaan kerja-kerja latihan atas talian untuk program ini kepada 13 september hingga 24 September 2021.

(B) MENGASINGKAN BAYARAN BERDASARKAN KHIDMAT LATIHAN DAN KIT LATIHAN

1. Saya merujuk kepada keputusan Sebutharga B MPC bilangan 12/2021 yang menyatakan bayaran kepada pembekal untuk program ini perlu dibayar mengikut kadar per syarikat iaitu RM2,399.94 (termasuk 6% SST) dengan jumlah keseluruhan RM47,998.80 untuk 20 syarikat. Berdasarkan perancangan asal, pihak kami bercadang untuk membuat bayaran dalam dua (2) fasa iaitu bayaran fasa pertama sebanyak RM23,999.40 (termasuk 6% SST) untuk 10 syarikat pertama, kemudian bayaran fasa kedua sebanyak RM23,999.40 (termasuk 6% SST) untuk 10 syarikat seterusnya. Walaubagaimanapun, saya mengalami kesukaran untuk mengisi eRO disebabkan perkara-perkara berikut:
 - i. Pembekal meminta pesanan tempatan (PO) berdasarkan pecahan bayaran latihan dan kit latihan. Permintaan ini tidak dapat dipenuhi apabila keputusan Sebutharga B MPC bilangan 12/2021 hanya membenarkan

bayaran dibuat dengan kadar per syarikat. Pembekal membuat permintaan ini disebabkan pecahan bayaran kit latihan diperlukan untuk membeli/ memperoleh kit latihan daripada pihak ketiga.

- ii. Nilai SST 6% iaitu sebanyak RM1,018.80 di dalam sebutharga pembekal adalah untuk khidmat latihan atas talian sahaja yang bernilai RM16,980.00 untuk 20 syarikat. Nilai SST RM1,018.80 ini tidak mengambilkira jumlah bayaran RM30,000.00 untuk 20 kit latihan disebabkan kit latihan tersebut bakal diperolehi daripada pihak ketiga yang akan mengenakan SST 6% kepada pembekal. Oleh yang demikian, jumlah bayaran RM30,000.00 tersebut sudah mengambilkira nilai SST 6%. Situasi ini menyukarkan pengisian eRO apabila memilih pilihan SST 6% bagi mengira SST untuk khidmat latihan sahaja bagi mengelak cukai berganda untuk kit latihan.

2. Berdasarkan situasi yang dinyatakan, saya telah mendapatkan nasihat daripada En. Mahadi Hasbullah, Ketua Unit Perolehan MPC. Setelah mengambilkira pematuhan peraturan Kastam oleh pembekal, implikasi audit, dan tahap kemampuan sistem GRP/ SAGA, beliau telah menyarankan pengisian eRO dibuat secara berasingan bagi khidmat latihan dan kit latihan, dimana gabungan kadar per syarikat bagi kedua-dua eRO yang bakal diisi adalah bersamaan dengan kadar per syarikat RM2,399.94 yang telah diputuskan oleh Sebutharga B MPC bilangan 12/2021. Rujuk lampiran 1 untuk lihat contoh pengiraan.

Oleh yang demikian, pihak MEPN ingin memohon kelulusan daripada Jawatankuasa Sebutharga B MPC bagi penjadualan semula tarikh pelaksanaan bagi perkhidmatan penyediaan kerja-kerja latihan atas talian kepada 13 hingga 24 September 2021, dan membenarkan pengasingan bayaran berdasarkan khidmat latihan dan kit latihan. Terima kasih

Disediakan oleh:



Abdul Rahman Kamis
Penolong Pengurus
Tarikh: 26 Ogos 2021

Disemak oleh:



Dr. Mazlina Shafi'i
Timbalan Pengarah
Tarikh: 26 Ogos 2021

LAMPIRAN 1

Perbandingan Pengisian eRO Sebelum dan Selepas

PERKARA	SEBELUM	SELEPAS
Kadar Per Syarikat	RM2,399.94	Khidmat Latihan = RM849.00 SST 6% Khidmat Latihan = RM50.94 Kit Latihan (SST 6% included) = RM1,500.00 Jumlah = RM2,399.94
Kaedah Bayaran	Bayaran Fasa 1 RM2,399.94 x 10 syarikat = RM23,999.40 Bayaran Fasa 2 RM2,399.94 x 10 syarikat = RM23,999.40	Bayaran Fasa 1 1st eRO: Bayaran Khidmat Latihan RM849.00 x 10 syarikat = RM8,490.00 SST 6% = RM509.40 Jumlah = RM8,999.40 2nd eRO: Bayaran Kit Latihan RM1,500.00 x 10 syarikat = RM15,000.00 1st eRO + 2nd eRO = RM23,999.40 Bayaran Fasa 2 1st eRO: Bayaran Khidmat Latihan RM849.00 x 10 syarikat = RM8,490.00 SST 6% = RM509.40 Jumlah = RM8,999.40 2nd eRO: Bayaran Kit Latihan RM1,500.00 x 10 syarikat = RM15,000.00 1st eRO + 2nd eRO = RM23,999.40
Jumlah Bayaran	RM47,998.80	RM47,998.80